

Batal bina jambatan elak implikasi undang-undang

UM- 15 (7/2006

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

KUALA LUMPUR 14 Julai - Pembatalan projek jambatan bengkok bagi menggantikan Tambak Johor merupakan satu keputusan politik yang selaras dengan sentimen rakyat dan kedaulatan negara ini.

Ita berkaitan dengan cadangan timbal balas (*quid-pro-quo*) Singapura untuk mendapatkan pasir dan ruang udara yang akhirnya ditolak oleh kerajaan kerana boleh menjejaskan kepentingan negara.

Selain itu, tindakan tersebut turut mengambil kira implikasi undang-undang sekiranya ia tetap diteruskan.

Jabatan Perdana Menteri dalam satu kenyataan hari ini menjelaskan, berdasarkan pandangan Jabatan Peguam Negara, Malaysia tidak boleh meneruskan usaha membina jambatan tersebut secara bersendirian (*unilateral*) tanpa mematuhi undang-undang.

Menurut kenyataan itu, Jabatan Peguam Negara berpendapat, Malaysia mempunyai tanggungjawab seperti yang terkandung di dalam Perjanjian Air

Johor 1961 dan 1962, Perjanjian Wayleave dan Perjanjian Pemisahan 1965.

"Rintangan utama yang perlu dihadapi oleh Malaysia jika mahu meneruskan projek ini ialah ia akan membabitkan perobohan Tambak Johor di sebelah Malaysia.

"Jika ini berlaku, secara langsung akan menjejaskan paip-paip air yang dibina di dalam Tambak Johor dan di kiri kanan tambak berkenaan," kata kenyataan tersebut.

Kenyataan itu menyebut, mengikut Perjanjian Air Johor Si-

ngapura 1961 dan 1962, hak milik paip-paip tersebut diberikan kepada Lembaga Kemudahan Singapura.

Sehubungan itu, Malaysia perlu mendapatkan kebenaran lembaga itu bagi mengubah kedudukan paip-paip sama ada untuk projek pembinaan jambatan lurus atau bengkok.

Menurut kenyataan itu lagi, di bawah Perjanjian Pemisahan Malaysia Singapura 1965 pula, Malaysia menjamin obligasinya dalam Perjanjian Air Johor Singa-

■ Lihat muka 2

Batal jambatan bengkok elak implikasi undang-undang

pura 1961 dan 1962 iaitu paip-paip air yang terletak di dalam Tambak Johor adalah tertakluk di bawah perjanjian itu.

"Oleh itu perjanjian Wayleave yang boleh diguna pakai ke atas paip air di kiri dan kanan Tambak Johor sebenarnya tidak boleh diguna pakai ke atas paip-paip air di dalam tambak tersebut.

"Justeru, dakwaan bahawa paip-paip yang terletak di dalam Tambak Johor boleh dialihkan secara bersendirian (*unilateral*) selepas memberi notis enam bulan adalah tidak benar," kata kenyataan itu.

Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia mempunyai kuasa mutlak terhadap kawasannya dan tiada negara lain berhak campur tangan.

Bagaimanapun, Malaysia tidak boleh mengambil tindakan unilateral tanpa mengambil kira prinsip dan tuntutan antarabangsa yang turut menyentuh hak serta kepentingan negara-negara jiran.

Kenyataan itu memberi kesimpulan bahawa secara keseluruhan, isu itu hanya berkisar kepada satu fakta mudah bahawa Malaysia mahu jambatan tersebut dan tidak bagi Singapura.

"Dalam isu ini adalah penting bagi kerajaan mengkaji keputusannya dan melakukan tindakan yang betul. Untuk mentadbir, kerajaan tidak seharusnya didorong oleh kemahuan mengejar populariti atau menimbulkan sebarang konflik.

"Pengurusan kerajaan adalah mengenai pertimbangan baik dan buruknya sesuatu tindakan dan seterusnya membuat satu keputu-

san yang terbaik untuk Malaysia," kata kenyataan itu lagi.

Berhubung dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Singapura menerima cadangan Malaysia untuk membina jambatan bengkok itu, kenyataan tersebut menyebut, ia tidak benar.

Membina

Ini kerana Perdana Menteri Singapura ketika itu, Goh Chok Tong melalui suratnya 14 Oktober 2002 menarik persetujuan yang diberikan sebelum ini untuk membolehkan Malaysia membina jambatan bengkok.

"Singapura telah menarik balik persetujuannya sebelum ini apabila Dr. Mahathir mahu isu air yang selama ini tertangguh dibincangkan secara berasingan dan bukannya secara pakej," kata kenyataan itu.

Ekoran itu, kedua-dua pihak kembali kepada status quo dan Dr. Mahathir tidak pernah menyangkal kenyataan Chok Tong, malah beliau sendiri tidak menjawab surat berkenaan.

"Adalah tidak benar untuk menyatakan Singapura menerima cadangan Malaysia untuk membina jambatan bengkok di dalam wilayahnya," ujar kenyataan itu sambil menyebut langkah itu merupakan keputusan kewangan yang paling bertanggungjawab dan tepat.

Menurut kenyataan itu, bukanlah satu keputusan yang wajar untuk membelanjakan RM1.13 bilion bagi struktur pembangunan yang akhirnya menemui jalan buntu.